

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSOLOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**MAJLIS MENANDATANGANI**

**MEMORANDUM OF AGREEMENT**

**ANTARA**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, MALAYSIA**

**DAN**

**UNIVERSITAS ISLAM NEGERI SUNAN KALIJAGA,**

**YOGYAKARTA**

**20 JULAI 2023 | KHAMIS**

**ARAS 3, CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN**

**UiTM SHAH ALAM**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL  
ANBIYAAI WAL MURSALIIN  
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

- **YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. PHIL. AL MAKIN,  
S.AG., M.A.**  
Rektor Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga
- **YANG BERUSAHA PROFESOR MADYA DR. MOHD  
AFANDI MAT RANI**  
Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM
- **YANG BERUSAHA DR. AFDAWAIZA, S.AG., M.AG.**  
Dekan Fakultas Ekonomi & Bisnis Islam (FEBI)  
Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga

**BARISAN PENGURUSAN ACIS UITM  
BARISAN PENGURUSAN UNIVERSITAS ISLAM NEGERI  
SUNAN KALIJAGA  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam  
Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya kita dapat berkumpul untuk majlis menandatangani Memorandum Persetujuan (MoA) di antara **Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia** dan **Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga (U.I.N. SUKA), Yogyakarta, Indonesia.**

2. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran tuan puan dari Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga ke UiTM. Sekalung penghargaan dan terima kasih di atas permulaan jalinan hubungan dua hala antara UiTM dan U.I.N. Sunan Kalijaga.

3. Tahniah diucapkan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM di bawah pimpinan Dekan, Profesor Madya Dr Mohd Afandi Mat Rani, kerana telah berjaya mengambil langkah memperkukuh jalinan kerjasama antarabangsa ini.

## **Para hadirin sekalian,**

4. Sebagai sebuah universiti awam terbesar, UiTM menawarkan lebih daripada 500 program akademik dengan infrastruktur dan teknologi terkini di 34 kampus di seluruh negara. UiTM komited untuk terus mengembangkan inisiatif menyediakan perkhidmatan Pendidikan terbaik, terutamanya kepada Bumiputera melalui pengukuhan jalinan perkongsian antarabangsa.

5. UiTM amat yakin perkongsian baharu ini akan meningkatkan lagi pemindahan ilmu yang bertujuan untuk melahirkan graduan profesional yang berkualiti, yang akan menyumbang bukan sahaja kepada kesejahteraan diri sendiri tetapi juga kepada agama dan masyarakat.

6. ACIS telah menunjukkan perkembangan positif sebagai pusat akademik, dengan menyediakan kursus dengan permintaan yang tinggi. Ini termasuk bidang tumpuan Pengajian Islam Kontemporari, Pengurusan Industri Halal dan Muamalat atau Kewangan Islam, daripada diploma sehingga ke peringkat pasca siswazah.

7. Pada masa yang sama, ACIS turut menawarkan Program Plus Tahfiz kepada graduan pusat pengajian Tahfiz di Malaysia melanjutkan pelajaran dalam pelbagai profesion di UiTM. Program ini sangat membantu Huffaz al-Quran untuk meningkatkan, dan memelihara hafazan dan pemahaman mereka terhadap al-Quran dan dalam masa yang sama membangun personaliti muslim professional.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

8. Kerjasama antara **UiTM** dan **U.I.N SUKA** akan menggalakkan keperluan aspek inter-disiplin dan rentas-disiplin yang berorientasikan bidang kontemporari, yang juga selaras dengan hala tuju ACIS. Saya percaya kerjasama ini akan menghasilkan lebih banyak kajian, penyelidikan, inovasi dan manfaat berkait dengan bidang pengkhususan kedua institusi.

9. Seiring dengan usaha UiTM untuk menjadi sebuah universiti yang dikenali dunia, perkongsian ini turut membantu **U.I.N SUKA** ke arah menjadi sebuah institusi kebangsaan yang cemerlang di **Yogyakarta, Indonesia**.

10. Saya harap, kerjasama ini dapat mengukuhkan kecemerlangan akademik dan penyelidikan melalui projek pendidikan inovatif yang akan memajukan lagi kesarjanaan dan kefahaman Islam untuk membantu menyelesaikan cabaran dan membina masa depan yang lebih mampan.

**Hadirin sekalian,**

11. Semoga sinergi yang dimiliki pada hari ini akan memperluaskan lagi bidang yang menjadi tumpuan dan memberi nilai kepada kedua belah pihak. Dalam masa yang sama, ia akan terus memperkukuh hubungan murni anata Malaysia dengan Indonesia.

12. Terima kasih sekali lagi kepada delegasi **U.I.N SUKA** atas usaha dan kesudian mengukuhkan kerjasama dengan **UiTM**. Syabas juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

**Sekian.**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**